

03/09/2003

Gangguan elektrik tidak jejas ekonomi

Mona Ahmad

JELI: Gangguan bekalan elektrik di lima negeri kelmarin tidak memberi kesan besar terhadap ekonomi negara kerana ia berlaku dalam tempoh singkat serta pada cuti umum.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata, ia tidak serius seperti yang berlaku kira-kira 10 tahun lalu kerana banyak negeri yang masih dalam cuti umum kelmarin sempena Hari Kemerdekaan.

"Banyak kilang dan pejabat tidak beroperasi, jadi gangguan tidak menjejaskan ekonomi negara. Namun begitu, kita harap kejadian seumpama itu tidak berulang dan yakin Tenaga Nasional Berhad (TNB) mampu meningkatkan perkhidmatan," katanya selepas merasmikan program Pembudayaan Nilai Berterima Kasih dan Bersyukur Peringkat Kelantan, di Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli, di sini semalam.

Hadir sama pada majlis anjuran Jabatan Pendidikan negeri dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK) itu ialah Pengarah Pendidikan negeri, Datuk Shafii Ismail.

Mustapa mengulas laporan gangguan bekalan elektrik di Kelantan, Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis sejak jam 9.58 pagi kelmarin dan dipulihkan secara berperingkat mulai 11.15 pagi hari yang sama.

Kejadian berpunca daripada talian penghantaran elektrik di antara Bukit Beruntung, Selangor dan Batu Gajah, Perak terpelantik ketika TNB melakukan kerja penyelenggaraan.

Pada majlis berkenaan, Mustapa turut menandatangani kain rentang ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang terpanjang di Malaysia.

Kain rentang berukuran 250 meter itu turut mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records dan ditandatangani kira-kira 10,000 pelajar, guru dan ibu bapa dari jajahan ini.

Mustapa berkata, kain rentang yang dibuat khas bagi melahirkan rasa terima kasih rakyat Kelantan kepada kepimpinan Perdana Menteri itu akan dihadiahkan kepada Dr Mahathir sempena lawatannya ke negeri ini pada 15 September ini.